

SULIT

Tasawwur
Islam
Kertas 2
Ogos 2011
2 ½ Jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2011

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.

Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Disediakan oleh: *Guru AKRAM Negeri Terengganu* Dengan kerjasama: *MPSM Negeri Terengganu* Dibiayai oleh: *Kerajaan Negeri Terengganu*

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) **"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah"**
- (i) Nyatakan pengertian Uluhiyyah. (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua konsep Uluhiyyah. (4 markah)
- (b) Allah SWT yang mengutuskan para rasul untuk menyusun kehidupan manusia supaya menepati syariatNya.
- (i) Nyatakan pengertian rasul. (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua perbezaan antara nabi dan rasul. (4 markah)
- (c) (i) Apakah maksud alam ghaib. (2 markah)
- (ii) Huraikan tiga hikmah Allah SWT merahsiakan perkara-perkara ghaib. (6 markah)
- 2 (a) Negara-negara Islam di Timur Tengah seperti Mesir, Syria dan Tunisia berlaku pergolakan rakyat yang menolak pemimpin zalim. Ini adalah akibat pemimpin mengabaikan konsep syumuliyah dalam bidang sosial.
- (i) Nyatakan langkah-langkah pemimpin dalam menjaga hubungan dengan rakyat. (4 markah)
- (ii) Nyatakan dua akibat sekiranya masyarakat membelakangi perundangan Islam. (4 markah)
- (b) **"Tidak ada paksaan dalam beragama"**
- (i) Jelaskan hikmat di sebalik rangkai kata tersebut. (2 markah)
- (ii) Kemukakan dua cara menggunakan kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Islam. (4 markah)
- (c) (i) Nyatakan pengertian Murunah. (2 markah)
- (ii) Terangkan dua prinsip Murunah dalam berpakaian. (4 markah)
- 3 (a) Bekerjasama membanteras kemungkaran merupakan tanggungjawab rakyat kepada negara.
- (i) Senaraikan empat tanggungjawab rakyat kepada Negara selain daripada di atas. (4 markah)
- (ii) Jelaskan dua implikasi jika rakyat tidak melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara. (4 markah)
- (b) (i) Nyatakan maksud tawakkal. (2 markah)
- (ii) Huraikan dua kelebihan sifat tawakkal. (4 markah)
- (c) (i) Senaraikan dua nilai luhur sistem sosial Islam. (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua ciri khusus sistem sosial Islam. (4 markah)

- 4 (a) Allah SWT memberikan harta untuk menguji tahap keimanan dan kesyukuran seseorang terhadap harta yang dimilikinya.
- (i) Terangkan **dua** bentuk ujian Allah terhadap pemilik harta. (4 markah)
 - (ii) Jelaskan **dua** langkah mencari harta secara halal. (4 markah)
 - (iii) Huraikan **dua** kesan mencari harta secara halal terhadap masyarakat. (4 markah)
- (b) Islam mewajibkan umatnya bekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan yang halal.
- (i) Nyatakan **dua** kebaikan bekerja menurut Islam. (4 markah)
 - (ii) Kemukakan **dua** perbezaan antara bekerja sendiri dengan makan gaji. (4 markah)
- 5 (a) (i) Terangkan **dua** perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem muamalah konvensional. (4 markah)
- (ii) Nyatakan pengertian takaful. (2 markah)
 - (iii) Jelaskan **dua** tujuan Islam membenarkan kontrak insurans Islam. (4 markah)
- (b) (i) Senaraikan **dua** contoh hukum haram. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum haram. (4 markah)
 - (iii) Huraikan **dua** kesan jika manusia melakukan perbuatan haram. (4 markah)
- 6 (a) Islam agama yang diturunkan oleh Allah SWT dapat menyelesaikan permasalahan hidup manusia.
- (i) Jelaskan **dua** matlamat penyelesaian masalah secara Islam. (4 markah)
 - (ii) Buktikan **dua** cara bagaimana Islam dapat menyelesaikan masalah perpecahan dalam masyarakat. (4 markah)
 - (iii) Nyatakan **dua** sumber utama penyelesaian masalah menurut Islam. (2 markah)
- (b) (i) Nyatakan **dua** kepentingan melakukan penilaian semula dalam menyelesaikan sesuatu secara Islam. (4 markah)
- (c) (i) Jelaskan **tiga** langkah mengatasi budaya gensterisme di kalangan pelajar sekolah. (6 markah)
- 7 (a) Manusia dicipta oleh Allah SWT adalah untuk beribadat kepadaNya.
- (i) Apakah maksud ibadat. (2 markah)
 - (ii) Senaraikan **empat** amalan yang merosakkan ibadat seseorang. (4 markah)
 - (iii) Jelaskan **dua** amalan yang dapat mengukuhkan ibadat seseorang. (4 markah)
- (b) (i) Jelaskan **tiga** etika kerja menurut Islam. (6 markah)
- (ii) Huraikan **dua** kelebihan bekerja kerana Allah SWT terhadap individu. (4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT